

23 JUL 1999

Gerakan-Mahathir

PEMUDA DAN WANITA GERAKAN LULUS USUL SOKONG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Persidangan Perwakilan Nasional ke-12 Pemuda dan Wanita Gerakan hari ini sebulat suara meluluskan usul bersama menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Usul itu meminta Dr Mahathir agar terus menerajui negara pada alaf akan datang bagi memastikan cita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020 tercapai.

Perdana Menteri dijangka merasmikan perhimpunan agung Parti Gerakan ke-28 esok yang akan dihadiri 1,700 perwakilan.

Wanita Gerakan turut meluluskan usul menyatakan sokongan penuh terhadap kepimpinan Presiden parti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Timbalan Presiden Datuk Kerk Choo Ting.

Empat usul turut diluluskan oleh sayap wanita parti itu iaitu seruan agar semua undang-undang yang mendiskriminasi wanita negara ini dimansuhkan dan meminta kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Kemudahan Awam yang berperanan memastikan semua projek penswastan kemudahan awam memberi manfaat kepada rakyat.

Wanita Gerakan juga meminta kerajaan Persekutuan mengkaji cadangan memansuhkan Akta Kawalan Sewa kerana ia membebankan rakyat dan menggesa kerajaan negeri berhati-hati sebelum meluluskan projek pembangunan di lereng bukit.

Pemuda Gerakan pula meluluskan lapan usul yang merangkumi tiga usul pendidikan, tiga politik dan dua ekonomi.

Usul Pendidikan ialah gesaan agar kerajaan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 bagi membolehkan mahasiswa aktif berpolitik, permintaan agar pembelajaran komputer diperkenalkan di semua sekolah dan gesaan supaya kerajaan memberi perhatian serius terhadap masalah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Tiga usul politik ialah gesaan supaya Kementerian Dalam Negeri meningkatkan imej polis di kalangan rakyat, meminda undang-undang kecil Pemuda Gerakan supaya tahap umur pemegang jawatan Ketua Pemuda di semua peringkat dilanjutkan daripada 40 kepada 45 tahun dan permintaan agar Kementerian Penerangan meningkatkan usaha membanteras dakwah pembangkang yang disebar dalam Internet.

Usul ekonomi ialah mengenai cadangan supaya institusi kewangan mempercepatkan proses kelulusan pinjaman kepada peniaga dan permintaan agar kerajaan Sabah membekalkan kemudahan elektrik secara konsisten dan dengan harga berpatutan kepada semua rakyat negeri itu.

--BERNAMA

NY MAI